

# Seni Visual dan Festival-Festival Seni Visual

Sarena Abdullah, Ph.D  
Universiti Sains Malaysia

Festival seni bukanlah sesuatu yang baharu untuk Ipoh. Malah Ipoh, ibu negeri Perak, mungkin boleh dianggap sebagai perintis acara sebegini pada pertengahan 1990-an melalui siri festivalnya sendiri yang telah diadakan lebih awal lagi, Pekan Seni Ipoh, di mana saya sendiri menyertainya sebagai sukarelawan ketika mula berjinak-jinak dengan dunia seni Malaysia. Hampir 20 tahun kemudian, Ipoh sekali lagi menganjurkan festival seninya—Festival Seni Antarabangsa Ipoh 2019 yang diadakan ini diharapkan dapat menjadi salah sebuah daripada banyak festival seni yang boleh menggalakkan aktiviti dan penghayatan seni, terutamanya dalam konteks seni visual.

Yayasan Kesenian Perak telah menganjurkan Pekan Seni Ipoh sebanyak lima kali, iaitu pada tahun 1996, 1997, 1998, 1999 dan 2000. Satu siri penerbitan telah diterbitkan bersempena dengan festival-festival ini dan tema-tema pilihan untuk setiap edisi festival tersebut, termasuklah *Rupa Kata; Alam, Seni Dan Perjalanan, Tradisi; Kemodenan Dan Jatidiri; Seni Dan Budaya Pada Alaf Baru dan Interaksi & Kesinambungan*. Pada masa itu, festival Pekan Seni Ipoh melibatkan pelbagai jenis program, termasuklah pameran dan pertandingan seni visual, persembahan puisi, bengkel seni, persembahan teater dan kebudayaan, pasar seni dan kraf, seminar dan juga forum. Walaupun siri festival ini secara teknikalnya dikelolakan oleh sebuah yayasan dan disokong oleh kerajaan Negeri Perak, namun ia digerakkan oleh artis-artis visual yang bertugas dalam Yayasan Kesenian Perak, dan menarik untuk diperhatikan bagaimana selepas itu festival-festival seni yang lain di Malaysia mula dianjurkan oleh artis-artis visual sepanjang dekad pertama tahun 2000-an.

Di dalam komuniti kecil seni di Malaysia, kita dapat usaha-usaha kolaborasi untuk projek-projek yang melibatkan pelbagai bentuk seni adalah sesuatu yang sangat biasa—seperti dapat dilihat pada festival-festival seni. Pada tahun 2002, Chow Kit Fest, mungkin festival seni jalanan independen yang pertama di Kuala Lumpur, misalnya, telah dijayakan antaranya oleh kolektif artis dan perekabentuk Spacekraft, kelompok perekabentuk Wondermilk, pemuzik punk Joe Kidd dan artis perormans Juliana Yasin. Acara selama lima hari itu menampilkan tayangan filem pendek dan dokumentari, konsert muzik, pameran, persembahan jalanan dan mural jalanan. Kebanyakan acara

<sup>1</sup> Perbincangan mendalam mengenai dunia seni alternatif di Malaysia boleh dirujuk dalam S. Abdullah, "The emerging alternative practices in Malaysian art (1990s–2015)," *Art & the Public Sphere*, Jul 2018, Vol. 7 Isu 1, hal 25-41. 17 halaman.

tersebut dilangsungkan di bangunan Persatuan Seni Drama Cina (CDAS) di Kampung Baru, dengan persembahan-persembahan jalanan diadakan di sekitar kawasan Chow Kit sendiri<sup>2</sup>. Acara Chow Kit Fest, walaupun dianjurkan sekali sahaja, telah menginspirasikan ramai artis muda ketika itu,<sup>3</sup> dan siri-siri perbincangan serta peluang untuk menjalin hubungan yang timbul daripada festival tersebut telah membantu merangsang artis-artis untuk bekerjasama dengan anak-anak muda dan komuniti-komuniti.

Sebuah lagi festival yang penting menyusul di Kuala Lumpur dua tahun selepas itu. Sebagai antithesis kepada aktiviti-aktiviti seni yang didana/ditaja oleh kerajaan atau negeri, Lost Generation Space meluaskan penglibatan mereka dengan publik melalui Festival Seni notthatbalai yang dilangsungkan oleh mereka pada tahun 2004, 2005 dan 2007. Festival Seni notthatbalai digerakkan oleh beberapa artis muda ketika itu yang bekerjasama dengan Lost Generation Space. Festival tersebut melibatkan beberapa pameran dan instalasi seni visual, persembahan seni performans, tayangan filem, wacana seni dan sesi perkongsian, bengkel, persembahan muzik, teater komuniti dan sebagainya. Tajuk festival itu sendiri menggambarkan sebuah festival seni yang boleh dikatakan sebagai sesuatu yang bersifat alternatif dan subversif serta mencabar dan memprotes fungsi institusi-institusi seni kerajaan.<sup>4</sup> Ia menampilkan pelbagai bidang dan medium seni seperti performans, video, seni konseptual, grafiti, muzik sub-budaya, bunyi eksperimental, puisi protes, seni tubuh, seni grafik dan lain-lain lagi. Edisi pada tahun 2007, yang diadakan di beberapa ruang seni sekitar Kuala Lumpur, melibatkan kurator-kurator jemputan p-10 (Singapura), Janis Crystal Lipzin (San Francisco) dan Carlos Llavata (Sepanyol).<sup>5</sup>

Menyusuli inisiatif Lost Generation Space, sebuah lagi kolektif yang mengambil pendekatan festival ialah Buka Kolektif. Diasaskan oleh tiga artis (performans)—Rahmat Haron, Sharon Chin dan Poodien—Buka Kolektif telah menganjurkan Festival Seni Performans Antarabangsa Buka Jalan pada 2011. Berbeza daripada festival seni notthatbalai, Festival Seni Performans Antarabangsa Buka Jalan mendapat bantuan daripada Balai Seni Lukis Negara dan malah dilangsungkan di Balai sendiri.<sup>6</sup> Ini menggambarkan kesediaan institusi seni kerajaan tersebut untuk menyokong artis-artis performans tempatan dan membantu memacu perkembangan kritikalnya. Festival tersebut menampilkan 16 artis tempatan dan antarabangsa, dan pelbagai aktiviti, termasuklah bengkel, syarahan dan persembahan, telah dijalankan.<sup>7</sup>

<sup>2</sup> Pang Kee Teik, 'Chaos and Cacophony at Chow Kit', Kakiseni, 14 Mei 2002, <http://myartmemoryproject.com/articles/2002/05/chaos-and-cacophony-at-chow-kit>

<sup>3</sup> Tan Hui Koon membentangkan makalah bertajuk "Camouflage: Artist and Their Environmental, Art and Social Engagement" di Pusat Seni Program RINTIS, Jun 2015

<sup>4</sup> Nur Hanim Khairuddin, "Sama-Sama Art, Music & Politics", dlm notthatbalai Art Festival 2007 (Kuala Lumpur: notthatbalai Curatorial Group, 2007), halaman tanpa nombor. Buku Program.

<sup>5</sup> Untuk dokumentasi visual berkaitan dengan edisi tahun 2007, sila lawati <http://notthatbalai.blogspot.my>. Video-video dokumentasi untuk edisi tahun 2004 juga dapat dilihat di halaman youtube.

<sup>6</sup> Syed Zahar, "Buka Jalan: International Performance Art Festival: Expect The Unexpected," Malaysian Digest, 23 Februari 2011, <https://owl.english.purdue.edu/owl/resource/717/05/>

<sup>7</sup> Acara ini turut mengundang kontroversi. Lihat artikel oleh Sharaad Kuttan mengenai acara ini, "Buka Jalan - Cracks and Openings," sentapl (Ipoh, 2011). Lihat juga buku oleh Buka Kolektif yang diterbitkan lama selepas tamat festival ini, Buka Jalan (Kuala Lumpur: Buka Kolektif, tanpa tarikh).

Festival-festival seni yang disebutkan di atas dianjurkan oleh kolektif-kolektif informal dan kumpulan-kumpulan artis di pusat-pusat bandar seperti Ipoh dan Kuala Lumpur, namun Festival Seni Sasaran pula dimulakan pada 2008 oleh Sasaran Arts Association,<sup>8</sup> sebuah persatuan seni nirlaba yang dipimpin oleh artis Ng Bee, dan melibatkan komuniti di Sasaran. Sasaran adalah sebuah kampung nelayan kecil yang terletak kira-kira 80km daripada Kuala Lumpur. Ng Bee, satu-satunya artis yang dilahirkan dan tinggal di Sasaran dan bekerjasama dengan beberapa artis dari tempat-tempat lain di Malaysia serta menjemput rakan-rakan artis dari seluruh dunia, berjaya meyakinkan penduduk Sasaran (kebanyakannya tidak mempunyai pengalaman atau pemahaman mengenai seni) untuk bekerjasama dalam menjayakan festival ini. Sejak itu, Sasaran Arts Association telah menganjurkan festival ini pada tahun 2008, 2011 dan 2014, di samping menjalankan pelbagai pameran dan aktiviti bersama artis-artis dari negara-negara Asia yang dipilihnya, serta menubuhkan Sasaran Art Gallery pada 2016. Edisi Festival Seni Antarabangsa Sasaran pada 2014 melibatkan seramai 65 artis dari 23 buah negara dan secara keseluruhannya menerima sebanyak 10,000 orang pengunjung.<sup>9</sup>

Sepanjang dua dekad yang lalu, terdapat peningkatan jumlah festival yang diadakan di seluruh Malaysia, seperti Festival Georgetown, Festival Pinggiran Butterworth, Festival Seni dan Performans Melaka (MAPfest), Festival Kesenian Johor, Festival Kesenian Pangkor, DiverseCity: Festival Seni Antarabangsa KL dan Festival Pinggiran Rainforest. Bentuk-bentuk lain festival seni termasuklah festival-festival yang ditaja oleh badan korporat seperti Festival Seni Sime Darby, dan festival-festival berteraskan media seperti Festival Filem, Video dan Muzik Eksperimental Kuala Lumpur (KLEX). Festival-festival tersebut merangkumi daripada yang didana oleh kerajaan, yang digerakkan dan ditaja oleh badan korporat, sampailah kepada yang dianjurkan oleh syarikat-syarikat pengajur acara dan badan-badan NGO, melainkan KLEX yang digerakkan oleh kolektif artis SiCKL. Festival-festival ini juga berkecenderungan mementingkan hasil pendapatan atau pulangan atas pelaburan—di mana jumlah khalayak, peserta dan penjualan tiket untuk pelbagai acara persembahan dan pertunjukan menjadi penanda aras kepada kejayaan dan kepentingan festival-festival ini di mata pendana dan penaja.


Festival-festival seni yang dikelolakan oleh artis-artis visual masih sedikit dan terhad, dan contoh-contoh festival yang lepas-lepas hanya mampu berjalan selama beberapa tahun sahaja. Perkara ini tidak mengejutkan kerana usaha untuk mengekalkan festival-festival sebegini memerlukan tenaga dan komitmen yang tinggi, di samping dana yang besar, yang mungkin tidak menentu dari setahun ke setahun. Berbeza dengan festival-festival seni yang mengutamakan seni persembahan dan/atau persembahan muzik

<sup>8</sup> Lawati <http://www.sasaranarts.org.my/>

<sup>9</sup> Lihat <http://www.thestar.com.my/lifestyle/entertainment/arts/frame-up/2014/11/30/the-sasaran-international-art-festival-returns-for-the-third-time-with-over-60-participating-artists/>

sebagai daya tarikan utamanya, di mana pendapatannya dijana dalam bentuk penjualan tiket, festival-festival yang melibatkan pameran-pameran dan acara-acara seni visual sebagai daya tarikan utamanya kebanyakannya terbuka kepada orang ramai dan tidak dikenakan tiket, justeru pendapatan dalam bentuk wang ringgit adalah sangat terhad.


Berdepan dengan cabaran-cabaran ini, festival-festival seperti itu and program-program awam yang lain selalunya dianjurkan dengan sukarela oleh artis-artis yang memahami keperluan untuk melibatkan khalayak-khalayak lebih meluas dari pelbagai latar dan lapisan masyarakat Malaysia. Di sebuah negara di mana seni sebagai satu bidang ilmu yang utama kurang diberikan galakan dan sokongan dalam sistem pendidikan, festival-festival seni ini telah menjadi platform untuk mendidik generasi muda tentang seni visual dan bentuk-bentuk seni yang lain. Oleh demikian, diharapkan agar Festival Seni Antarabangsa Ipoh boleh menjadi sebuah platform yang mampu bertahan lama yang dapat melibatkan pelbagai jenis khalayak dan penyertaan untuk tahun-tahun mendatang. Bolehkah?



Pameran Seni Rupa

# CLIMATE

Art Exhibition



Pameran Seni Rupa

# CLIMATE

Art Exhibition

Pameran Seni Rupa

**CLIMATE**

Art Exhibition

Katalog ini diterbitkan bersempena pameran seni rupa CLIMATE yang berlangsung di Muzium Darul Ridzuan daripada 30 November - 8 Disember 2019  
This catalogue is published in conjunction with the CLIMATE art exhibition held at Muzium Darul Ridzuan from 30th November - 8th December 2019.

© Penerbit | Publisher

© Gambar Karya | Artwork Images

Kampung Karyawan Amanjaya Sdn. Bhd.

PORT / Artists

ISBN 978-967-17685-0-1

Hakcipta terpelihara. Karya yang disiarkan di dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

All Rights Reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any other information storage and retrieval system, without prior permission in writing from the publisher.

Penerbit | Publisher

Kampung Karyawan Amanjaya Sdn. Bhd.

No 9 & 11

Jalan Sultan Azlan Shah,

31400 Ipoh Perak

MALAYSIA

+60 5 - 241 2287

+60 5 - 241 2394

<http://portipoh.com.my>

Editorial

**Nur Hanim Mohamed Khairuddin**

**Beverly Yong**

**SO Husain**

Penulis Tamu | Guest Writers

**Dr. Sarena Abdullah**

**Zikri Rahman**

**Dr. Nicole Chang**

Kuratorial | Curatorial

**Nur Hanim Mohamed Khairuddin**

**Tan Hui Koon**

**Dr. Kamal Sabran**

Pengurusan Projek | Project Management

**Syed Zarul Hisham**

**Mohamad Huzaifah Abdul Aziz**

**Chiang Xi Ning**

Reka bentuk Pameran | Exhibition Design

**Bayu Utomo Radjikin**

**Chuah Chong Yong**

Reka bentuk Katalog | Catalogue Design

**Nor Azian A Hasan**

**Syahid Yusof**

Printer

**United Mission Press Sdn Bhd**

Lorong Thambi 2

Off Jalan Pudu

55100 Kuala Lumpur

# KANDUNGAN CONTENTS

## Prakata | Foreword

<b>YAB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu</b> Menteri Besar Perak merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PORT Perak Menteri Besar and Chairman, Board of Directors, PORT	8
<b>YB Tan Kar Hing</b> Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian & Kebudayaan Negeri Perak merangkap Ahli Lembaga Pengarah PORT Chairman, Perak State Tourism, Arts & Culture Committee and Member, Board of Directors, PORT	10
<b>Nur Hanim Dato' Mohamed Khairuddin</b> Pengurus Besar People of Remarkable Talents (PORT) merangkap Pengarah Artistik IIAF 2019 General Manager, People of Remarkable Talents (PORT) and IIAF 2019 Artistic Director	12
<b>Nota Kurator   Curator's Note</b> <b>Seni sebagai Ruang Berlindung dalam</b> <b>Menghadapi Perubahan Iklim</b> <b>Art as a Sanctuary in the Face of Climate Change</b>	14
<b>Seni Visual dan Festival-Festival Seni Visual</b> <b>The Visual Arts and its Festivals</b> Dr. Sarena Abdullah, Universiti Sains Malaysia	20
<b>Place-making untuk membina Ipoh sebagai</b> <b>Kota Kreatif menerusi Festival SENI</b> <b>Place-making Ipoh as a</b> <b>Creative City through Arts Festivals</b> Dr. Nicole Chang	27
<b>Lingkar Pembangunan-isme dan</b> <b>Takdir Keganasannya</b> <b>The Cycle of Developmentalism and</b> <b>the Fate of its Terror</b> Zikri Rahman	34

Ramlan Abdullah	46	Jamil Zakaria	82
Raja Shahriman Raja Aziddin	48	Samsudin Wahab	84
Ahmad Shukri Mohamed	50	Cheng Yen Pheng	86
Ahmad Fuad Osman	52	Ajim Juxta	88
Masnoor Ramli Mahmud	54	Nor Tijan Firdaus	90
Bayu Utomo Radjikin	56	Syarifah Nadhirah	92
Noor Azizan Rahman Paiman	58	Aftermath Thinker	94
Bibi Chew	60	Ahmad Abu Bakar (Singapore)	96
Daud Rahim	62	Moe Satt (Myanmar)	98
Hamidi Hadi	64	Mohamad 'Ucup' Yusof (Indonesia)	100
Chang Yoong Chia	66	Januri (Indonesia)	102
Saiful Razman	68	Jehabdulloh Jehsorhoh (Thailand)	104
Kim Ng	70	Muhammadsuriyee Masu (Thailand)	106
Sharon Chin	72	Carlo Gernale (Philippines)	108
Haris Abadi	74	Amir Zainorin (Denmark-Malaysia)	110
Tan Vooi Yam	76		
Husin Hourmain	78	Profail Artis   Artist Profiles	112
Tetriana Ahmed Fauzi	80	Penghargaan   Acknowledgements	118